

**ARAH PERJALANAN TEORI DAN KRITIKAN SASTERA MALAYSIA  
DALAM ERA GLOBALISASI  
[THE DIRECTION OF MALAYSIAN LITERARY THEORY AND  
CRITICISM IN GLOBALIZATION ERA]**

*Mana Sikana*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjong Malim, Perak, Malaysia.  
mana@upsi.edu.my

**ABSTRAK**

Makalah ini membicarakan perkembangan dan perubahan yang berlaku terhadap teori sastera Melayu. Penulis akan menyentuh semua aspek pertumbuhan dan perkembangan bagi setiap genre sastera, iaitu puisi, cerpen, drama, novel dan esei dan kritikan sastera. Metode apresiasi dan kritikan juga akan dibincangkan, supaya pembaca dapat menguasai cara mengapresiasi dan melakukan kritikan. Dengan sedemikian khalayak akan dapat menghasilkan kritikan terhadap teks-teks pilihan. Dalam analisis ini memperlihatkan gabungan aplikasi teori sastera dan teknik apresiasi bagi membincangkan pemikiran dan kepengarangan penulis sastera Melayu secara individual. Makalah ini juga mewacanakan isu-isu yang berkaitan dengan permasalahan penulisan teks sastera, metodologi dan kaedah terkini dalam pengajaran dan pembelajaran teori sastera dalam kalangan pelajar kolej dan universti di Malaysia.

Kata Kunci: Teori, Apresiasi, Permasalahan, Penulisan Esei dan Kritikan.

## **ABSTRACT**

*This paper discusses the changes and developments of literary theories in Malay literature. The writer covers all aspects of its growth and developments through various genres such as poetry, short story, novel, drama, essays and criticism. Methods of literature appreciation and criticism will be discussed, so that readers will be able to carry out appreciation and criticism. It is expected that they will be able to produce criticism for selected literature texts. This analysis collaborate the application of literary theories and approaches used by the writer to discuss the thoughts and authorship of Malay literary personalities. This paper also discusses issues related to the problems of writing texts, methodology and current technologies in the teaching and learning literary theories among the colleges and universities in Malaysia.*

*Keywords: Theories, Application, Problems, Writing essays and Criticism.*

## **PENGENALAN**

Era globalisasi menandakan suatu zaman kecepatan, ketangkasan dan ketelusan antarbenua. Meskipun berlaku proses pemBaratan, tetapi globalisme membenarkan setiap negara itu mencipta dirinya sendiri. Namun, tidak tertolak bahawa hegemonik dan subordinasi itu berlaku dengan hebatnya. Dalam situasi beginilah, kita diajak untuk bersikap bijak, tidak menolak dan tidak mengambil dengan rakus.

### **Teori Sastera**

Teori sastera dalam kesusasteraan Melayu sudah mendapat tempat yang istimewa sejak dua dekad yang lalu. Situasi ini adalah akibat daripada keilmuan sastera secara global, yang telah meletakkan subjek teori sastera sebagai sesuatu yang terpenting dan menjadi penara timbangnya. Di antara teori sastera zaman moden ialah

formalistik, moral, sosiologi, psikologi, arketaip dan stilistik. Teori sastera pascamoden: strukturalisme, semiotik, pascastrukturalisme, dekonstruksi, intertekstualiti, revisionisme, pascamodenisme, marxisme, feminisme, resepsi, sosiologi sastera, hermeneutiks, Fenomenologi, New Historisisme, Pascakolonialisme, budaya, eko-sastera dan lain-lainnya. Sementara teori tempatan ialah Taabudiyah, Puitika Sastera Melayu, Pengkaedahan Melayu, Teksdealisme, Takmilah dan Konseptual KataKunci. Menguasai secara dasar teori-teori itu akan menolong kita bagaimanakah teks yang harus dihasilkan.

Di Malaysia juga teori-teori sastera tersebut turut berkembang dan diaplikasikan. Beberapa buah yayasan pengajian tinggi juga telah menyediakan kursus-kursus teori sastera, sebagai persediaan kepada pelajar untuk penulisan akademik bagi menghasilkan pelbagai tugas, termasuk menulis projek, tesis dan disertasi. Di samping itu beberapa buah teori juga yang bersifat tempatan terus diketengahkan oleh beberapa pengkaji sastera. Kedudukannya yang lebih diterima di pusat pengajian tinggi, turut sama mewarnai iklim kritikan sastera. Meski bilangannya tidak begitu dinamik yang mengaplikasi teori baharu, yang pascamodenistik itu, namun ada tanda-tanda menunjukkan kemajuan yang baik. Begitu juga dalam penulisan karya kreatif, ada pengarang yang peka dengan perubahan teori-teori baharu ini, dan menjadikannya landasan penciptaan karyanya. Tulisan ini cuba membuat mengkaji perubahan-perubahan teori dan kritikan sastera tanah air itu, dengan tujuan untuk menilai dan membuat analisis serta saranan untuk mencari arah positif. Kita susuri perjalanannya, pada dekad 1970-an telah memperlihatkan bahawa teori sastera berlaku revolusi dan menunjukkan bahawa teori sastera itu sendiri lebih penting daripada teks kreatif itu sendiri. 1980-an teori sastera menimbulkan isu pascamodenisme.

Konsep wacana sastera dan konsep kekuasaan dalam teori sastera mula dibincangkan pada 1990-an, dengan cultural studies memperlihatkan sebagai teori dan kritikan sastera lebih menjadi disiplin yang luas. Kajian sastera mula dimasuki teori bercorak interdisiplin. Revolusi teori telah memperkuat disiplin kajian

sastera. Kelihatan lebih akademik dan mempunyai arah dan landasan kajian. Teori sastera dan kritikan sastera biasanya dicorakkan oleh kajian sastera, sebaliknya kajian sastera juga dicorakkan oleh teori sastera. Kajian sastera dimulai dengan penelitian sastera tradisional dengan aplikasi filologi, dan textual schoolship. Pada peringkat awal, di Barat pun menolak penggunaan perkataan kritikan sebagai aktiviti akademik, sebaliknya menggunakan kajian sastera, bukan kritikan sastera. Hanya filologi lebih menjurus kepada kepentingan pencarian ilmu dan keserjanaan.

### Kritikan Sastera

Definisi kritikan sebenarnya sudah menganjak ke pelbagai makna. Dalam zaman moden ia lebih mencari kelemahan pengarang yang bersifat legislatif, tetapi kini kepada penyelongkaran tekstual. Nama Rene Wellek diterima di dunia antara bangsa, sebagai katalis yang meletakkan dasar kritikan secara berdisiplin dan akademik pada trahun 1935 dengan bukunya *The Theory of Literature*. Ia telah berhasil meletakkan kritikan sebagai sebuah bidang penting tersendiri dan memisahkan dirinya daripada interpretasi yang lain yang berbaaur dalam sains sosial seperti hermeneutik dan Fenomenologi. Rene Wellek menguasai ilmu linguistik, filologi German dan hermeneutik serta berdampingan dengan aliran romantisme-modernisme, gerakan Formulisme dan New Criticism. Tujuh tahun kemudian ia menghasilkan *Literary Theory and Criticism* yang menyatakan, kritikan sebagai sebuah disiplin ilmu mempunyai tiga cabang sejarah, teori dan kritikan. 1963 ia menghasilkan pula *Concept of Criticism*, yang menyatakan bahawa teori sastera harus diajar di universiti. Mahasiswa harus menguasai teori sastera kerana ia ialah alat atau landasan untuk kritikan sastera. Dengan demikian kritikan praktis akan dapat ditingkatkan. Kritikan praktis harus menjadi saintifik dan wajib menggunakan teori. Tulisan-tulisan untuk akademik universiti harus memulakannya. Lebih jauh lagi zaman Greek ialah peletak dasar kritikan. Plato dalam *Republic* menggagaskan pendekatan moral

dan politik, sementara Poetic Aristotle dengan formalisme. Namun, kedua lebih banyak berbincang daripada segi konvensi, bentuk, genre dan kategori teks. Tegasnya, mereka banyak bercakap tatasastera atau hukumkaham sastera. Zaman pascamoden menyaksikan teori dalam konteks ini ialah landasan sebagai literary studies, ia sebagai konsep penelitian, penyelidikan dan penulisan akademik. Kritikan pula ialah menekankan pembacaan, penghayatan dan penilaian teori sastera menekankan aspek kepengarangan, kriteria penilaian, teknik, metode bacaan dan definisi sastera dan pencapaiannya.

### Situasi dan Tanggapan

Dalam konteks perkembangan teori dan kritikan sastera Malaysia, ada sesuatu yang menarik apabila timbulnya suasana semacam perlumbaan mencipta teori sastera. Muhammad Haji Salleh menyentuh aspek teori ini dalam tulisannya "Mencari sebuah teori sastera Melayu" (2008:399-415) menyatakan di dunia sastera terkini, kerana ada nama di dalamnya dan hampir ia menjadi medan fesyen, lalu mengundang ramai orang, cuba membina teori masing-masing. Dalam konteks ini beliau menyatakan pemikiran dasar yang dapat ditanggap ialah bahawa kerja penteorian adalah amal puncak bagi seorang pengkaji sastera. Ia bermula dengan penuntut sastera, menguasai pendekatan dan teori kritikan dan penulisan teks sastera. Seorang yang terbukti tekun dan teliti sebagai pengkaji, dedikasi, rajin dan berhemah dalam kritikan, serta ia seorang pemikir yang berusaha memberi alur sastera. Hakikat sebuah teori sastera ialah menggagaskan definisi, konsep, prinsip dan unsur-unsur sastera, di samping menyelesaikan persoalan tentang genre, fungsi, konsep teks dan pengarang.

Tegasnya, sebuah teori sastera sama ada yang bersifat tekstual, kontekstual, kepengarangan, kekhayalan atau eklektikal, juga bersifat bandingan, berbicara tentang kesegalaan watak dan sifat sastera dan keunikan yang dimiliki oleh tradisi dan sejarah sastera itu. Di samping itu, syarat yang lain ialah pengetahuannya yang meluas menebar dan menguasai teori

sastera moden dan pascamoden secara global, untuk membolehkannya membina sesebuah teori sastera. Dalam hubungan ini, pada pandangan saya, kita jangan terjebak kepada keghairahan itu. Ada tanda-tanda wujud antara teori itu yang masih dalam peringkat gagasan atau kerangka teori atau hanya dalam kerangka kerja. Malah ada teori yang tiada memiliki teks rujukan pencirian atau terdapat yang dinamakan teori hanya untuk sesuatu genre, bukan teks sastera keseluruhannya. Namun, kita harus bersikap positif, setiap usaha murni harus diterima dan digalakkan.

### Teori Sastera Global

Meskipun teori-teori tempatan mula mengambil alih teori yang dahulunya didominasi oleh Barat, tetapi hegemoni dan kekuasaannya masih amat terasa. Barat bagaikan menjadikan dunia teori seolah-olah sebuah taman perbungaan. Tanahnya ternyata subur, dan benihnya ditaburkan lalu tumbuh berakar, menguntumkan dan kembanglah satu demi satu bunga teori itu. Dan aromanya sampai ke negara kita. Kita telah sedia maklum teori-teori yang sedia berkembang itu.

Dimulai dengan Strukturalisme hinggalah kepada teori Pascakolonialisme dan teori Studi Budaya yang mendapat tempat istimewa zaman terkini. Tidak syak lagi, kesemua teori itu datangnya dari Barat, bagaimana pun ia telah mengalami penyaringan dan sesuai untuk dipelajari dan dikuasai. Dunia sastera kita, tegasnya dunia teori dan kritikan sastera tanah air, mahu tidak mahu terpaksa berhadapan dengan teori-teori tersebut. Ini adalah akibat daripada revolusi dunia maklumat dan situasi global hari ini, yang segala-galanya cepat hadir dan dan hegemonikal sifatnya.

### Isu Sastera Global

Sejak empat dekad yang lalu, kita menyaksikan banyak peristiwa menarik dalam kehidupan budaya sastera dunia. Dan sedikit sebanyak terimbas dan tempias juga ke dalam sastera kita. Pertama, dua dekad itu telah diisytiharkan sebagai theory wars,

berlakunya bangun runtuh, naik turun, peperangan dan pertempuran dalam masalah penteorian sastera. Ini bukannya di luar pengetahuan kita; strukturalisme bangun diruntuhkan oleh dekonstruksi, naiknya semiotik diturunkan pula oleh intertekstualiti, peperangan berlaku dalam kalangan sesama saudara di dalam feminisme, pertempuran dalam kalangan psikoanalisis dan pelbagai lagi. Ada ribuan esei dan kritikan, malah ratusan buku yang sematamata membincangkan persoalan teori baharu itu. Meski ia suatu peperangan oleh kerana yang terbabit ialah akal dan minda serta dikendalikan dengan susila dan budi, sebenarnya cukup banyak faedah yang dihasilkan. Kita tidak perlu menyatakan faedah dan signifikasinya teori-teori itu kerana tempiasnya sudah cukup membuat budaya sastera kita, jadi basah kuyup dan sesak dengan teori. Yang penting teori-teori itu menyediakan sejumlah ilmu caracara mendekati dan menikmati teks sastera. Karya eksperimen, avantgarde, polifonis, dialogik dan pelbagai aliran dan bentuk baharu telah dihasilkan oleh ramai penulis dan ini menuntut kepelbagaian teori untuk menghayatinya. Kedua, terjadi suatu konflik semacam analogi pertentangan kelas di antara sastera baku dengan sastera popular. Demi martabat dan pemeliharaan titisan darah mulia sastera baku, ia meminggirkan sastera yang berbentuk hiburan, picisan, erotis, gelandangan dan bonggolan. Ribuan novel, terutamanya roman-roman percintaan dan sensasi sosial telah dikategorikan sebagai teks murahan, tiada nilai sastera dan akhirnya dikeluarkan daripada khazanah sastera. Penulis genre sastera popular itu bertindak balas dengan berdemonstrasi sambil membuktikan bahawa 90 peratus khalayak adalah peminat karya mereka. Hanya sebilangan kecil sahaja yang membaca apa yang mereka istilahkan sebagai teks canon, teks budaya dan teks prestij.

Konfrontasi itu membentuk dua blok pengkaryaan, yang satu mempertahankan nilai dan estetika, yang satu lagi mementingkan partisipasi khalayak. Untuk memperkuat kedudukannya, blok pertama berusaha berusaha untuk mencapai kejayaan khalayak dengan memberi bantuan kepada khalayak untuk menikmati teks sastera yang sering dianggap penuh dengan

kompleksiti itu. Sebagai akibatnya melahirkan petistiwa ketiga, iaitu munculnya teori budaya membaca. Didefinisikan sebagai amalan-amalan berkaedah menyusur ke dalam anatomi teks sastera, teori budaya membaca itu menganggap bacaan ialah kegiatan penjelajahan makna pembaca atau khalayak juga berkreasi dan mencipta teks sewaktu berhadapan dengan namanama teks dan menyedari makna berubah sepanjang sejarah, mereka berhak melakukan deviasi terhadap pengertian pengarang. Malah, kekuasaan khalayak sampai ke taraf, pembunuhan kemerdekaan pengarang terhadap teks yang dihasilkannya, maksudnya nyawa penghasil hanya setakat menghasilkan. Kita dapat mengesani kebanyakan teori baharu adalah sistem pembacaan yang berhasrat membudayakan teknik bacaan dan bimbingan kepada khalayak. Ada puluhan teori membaca teks sastera.

Todorov memperkenalkan, teknik pembacaan konstruksi, Fish strategi bacaan, Culler teori struktur abstrak bacaan. Derrida kaedah rungkai bacaan, Kristeva pembinaan polovalensi teks, Bloom teori salah bacaan dan lain-lain lagi. Oleh kerana iklim intelektual khalayak berbeza sekurangnya ada lima jenis pembacaan iaitu yang konvensional di mana khalayak sudah tersedia dengan ramalan umum, analitikal yang mencari kehalusan, kritikal yang memberi perhatian terhadap setiap perkembangan, interpretatif yang kaya ruang pemaknaan dan yang hanya bersifat *écriture* memberi tumpuan dan respon semata-mata terhadap bentuk teks. Leenhardt merumuskan tiga kategori khalayak. Pertama, membaca demi keseronokan tanpa nilai. Kedua, demi nilai (menghukum) tanpa seronok dan ketiga, demi keseronokan dan demi penghukuman. Majoriti khalayak berada di lingkungan pertama yang mengharap sesebuah teks itu dapat memberikan hiburan dan penambahan pengalaman dan pengetahuan tanpa berhasrat untuk menempatkan teks itu dalam mana-mana klasifikasi penciptaan. Sementara yang kedua, justeru terikat kepada beban peletakan taraf teks yang dibaca, khalayak ini mencari ciri-ciri kekhasan kesusasteraan melebihi untuk keseronokan bacaan. Justeru banjirnya karya sastera, de Beaugrande, ahli psikoanalisis bacaan, menganjurkan kaedah

syntopicon, iaitu mengkhususkan topik dan tumpuan bacaan menurut tajuk atau genre.

Untuk sampai ke seberang makna sebuah cerpen, tumpuan dilakukan terhadap perkembangan watak dan sisipan peristiwa kerana cerpen yang baik membentuk personaliti watak dan kekonkritan cerita (tentu untuk cerpen konvensional), berhadapan dengan novel bererti menebas hutan belukar plot kerana genre ini membina belantara di hadapannya. Sama ada membaca bersama Umberto, Fowler, Riffaterre, Morawski; Jausse dan puluhan kaedah bacaan lagi semuanya akan mendidik khalayak supaya meuniversitikan mereka dan diharapkan dapat bersenang-lenang dengan karya sastera dan menganggap bacaan suatu kegiatan wajib bagi pembinaan warga negara yang mulia. Dan betapa kemudiannya, bukan sahaja pembudayaan khalayak terjadi, penataran kepada pengarang juga diperistiwakan dalam dua dekad mutakhir itu. Pengarang harus peka terhadap dunia penciptaan yang telah dirumuskan dalam apa yang disebut oleh Todorov sebagai tata sastera. Sekiranya linguistik memiliki tatabahasa, maka telah dibina teks sastera mempunyai tatasastera juga; yang mengandungi pelbagai teori penulisan karya sastera. Sebagai contoh kecil, pengarang tidak akan berkembang tanpa penguasaan teori baharu atau teknik yang terbaharu. Sama ada novel atau puisi, cerpen atau drama semuanya bukan sahaja artifak budaya juga makhluk yang bernyawa, mengalir darah menyusu pernafasan dan mendenyutkan jantungnya. Kebernyawaan karya bererti mampu menghidupkan khalayak, budayanya juga akan hidup sepanjang zaman. Penulis kecil atau besar yang mengingkari teori-teori baharu bererti akan mengukir nisan dan mencatatkan kematiannya. Apatah lagi yang cuba mempersendakannya, akhirnya karyanya akan dipersenda oleh teori baharu itu.

Peristiwa keempat di atas itu sesungguhnya ialah peringatan kepada golongan pengarang. Dua dekad terdahulu pengarang boleh berbangga dengan bakat fitrahnya, tetapi kini tanpa diasah oleh teori baharu, pengarang akan kehilangan kedudukan dan keistimewaannya. Sebaliknya, khalayak akan lebih bijak daripada pengarang, jika ini telah terjadi kiamat sastera akan berlaku. Pusat

segala teori moden ialah kaedah penulisan canggih dan khalayak yang terlatih. Pengarang dianjurkan berfahaman eklektisme, iaitu mengumpulkan segala perilmuan teori untuk dasar penciptaan sedangkan khalayak berkonsepkan 'bacaan gunaan'. Pencipta diarahkan berpendirian interdisiplin, interpraktikal, intertekstual dan pelbagai teknik sedangkan khalayak menuntut apa yang dibaca harus ada kegunaan, signifikan dan tujuan. Peristiwa kelima dan terpenting dalam budaya sastera dunia dua dekad terakhir ialah keumunculan atau kelahiran sastera sebagai ilmu yang saintifik. Ideologisme ilmu sastera sebagai ilmu yang saintifik. Ideologisme ilmu sastera kerana berjaya menyingkirkan subjektiviti, mewujudkan kekhasan kesasteraan, empirikal dan sifatnya mandiri. Pengkaji atau pengkritik diarahkan belajar ilmu luaran kerana dikatakan di sana telah kukuh pembinaan teorinya.

Tetapi kini teori sastera tanpa bimbingan teori lain telah berhasil membina berpuluh-puluh teori dan dipercayai ada ratusan jika teori kecilnya diambil kira. Golongan sosiologis, antropologis, sejarah dan sebagainya kini terpaksa belajar dan menggunakan teori sastera untuk memahami bukan sahaja teks sastera, juga pendokumentasian sejarah, sosial, ekonomi dan sebagainya. Suatu masa dahulu pengkritik pun dikelaskan sebagai warga sastera kedua. Pengkritik dikatakan manusia yang gagal berkreatif. Mereka hidup di bawah bayang-bayang pengarang. Tetapi kini, kritikan yang sudah saintifik itu, memiliki dunianya yang sendiri. Dunia pengarang dan dunia pengkritik sudah mempunyai sempadan dan berbudaya di dalam negeri masing-masing. Pengarang mempunyai akal mencipta, pengkritik pula memiliki ilmu tatasasteranya. Pengkritik yang membentuk teori, menghukum manamana teks dan mempunyai kelengkapan ilmu pelbagai. Hari ini untuk membentuk seorang pengkritik atau pengkaji, mengalami jalan sulit, rumit dan penuh simpang-perenang. Mungkin bengkel boleh melahirkan pengarang, tetapi pengkritik terpaksa dilahirkan di institusi. Catatan kecil daripada peristiwa besar sastera di atas tentu tidak dapat berbicara secara meluas. Namun diharapkan dapat menghantarkan beberapa fakta yang boleh difikirkan.

Semoga kita dapat bergerak pantas seiring derap sejarah dan menjadi orang sastera tulen.

### Kata-kata Kunci

Terdapat beberapa kata-kata kunci yang sering diguna dan diwacanakan dalam konteks teori dan kritikan sastera terkini. Antara yang paling popular ialah kanon, wacana dan kritikan intelektual. Perbincangan tentang teori dan kritikan sastera di mana pun semacam tidak sah, jika tidak membicarakan subjek sastera kanon. Subjek isunya adalah dalam memberi makna atau definisinya. Kanon bermula dalam penulisan bible, mengalami transformasi makna dalam sastera. Definisi karya kanon sejajar dengan karya unggul dan karya agung Dalam Kamus Progresif Inggeris-Melayu (1973:43), "Canon membawa maksud ukuran umum yang menentukan nilai sesuatu". Chris Baldick (2008) mendefinisikan canon dalam kesusasteraan kebangsaan ialah sebuah badan penulisan utama yang telah diluluskan oleh pengkritik-pengkritik atau authologists dan dianggap sesuai untuk kajian akademik. Menurut pandangan C. Hugh Holman dan William Harmon (1986:71), "Ringkasnya, kanon merupakan satu standard pengadilan, satu kriteria. Kanon digunakan digunakan pada senarai buku-buku yang ditempatkan di dalam kitab injil agama Kristian yang telah diisytiharkan sebagai cemerlang. Kecemerlangan ini adalah merujuk kepada wujudnya kebaikan. Justeru buku-buku yang apochryphal tidak diiktiraf sebagai kanon". Apochryphal ialah unsur atau subjek yang tidak baik (Mana Sikana, 1998. 75). Karya agung merujuk kepada adikarya, iaitu yang membawa maksud karya agung yang dianggap menggambarkan peradaban sesuatu bangsa seperti Hikayat Hang Tuah dalam masyarakat Melayu. Mahakarya dalam Glosari Istilah Kesusasteraan (1988:184) didefinisikan sebagai karya besar atau karya agung yang lahir pada sesuatu zaman, mengagumkan, karya dan terbaik. Karya unggul hasil idea dan pengalaman yang dicernakan dengan keberanian dan kebijaksanaan, berisi daya intelek dan daya kreativiti yang tinggi, dan merupakan puncak kejayaan kreativiti dan menjadi contoh

paling unggul dari segi penciptaannya. Isu lain yang timbul adalah untuk meletakkan teks-teks yang kanon, agung dan unggul. Ciri-ciri pengklasifikasiannya menyentuh soal kreativiti dan kedudukan pengarang. Pengarang unggul dan teks unggul misalnya dapat menjana kekuatan pengarang sambil melakukan pemeriksaan dan penilaian terhadap mereka. "Canon bermaksud senarai terbaik tentang sesuatu pengajaran untuk mencapai sesuatu tujuan. Unsur yang menjadi antagonis kepada kanon ialah apocryphal.

Tambahan pula, dalam zaman moden dan pascamoden, canon digunakan dalam literary canon, iaitu menunjukkan penghasilan teks mahakarya dan mencapai status klasik, sementara pengarangnya digelar canonical writer, iaitu sasterawan yang mencapai tahap individualisme (Mana Sikana 1998:75). Dengan demikian, karya kanon menjurus kepada teks-teks terbaik yang dihasilkan pada zaman moden yang kental menghadapi zamannya dan zaman mendatang.

Istilah intellectual criticism merujuk bahawa dunia kritikan yang dimiliki oleh yayasan pengajian tinggi. Kritikan atau penulisan tinggi dalam sastera ini merujuk penulisan Jurnal. Jurnal ialah sebuah penulisan yang mempunyai nilai akademik lagi ilmiah yang cukup tinggi. Justeru itu hanya penulisan yang mencapai taraf mapan sahaja, yang boleh disiarkan di dalam sesebuah jurnal. Biasanya hanya universiti atau pengajian tinggi yang menerbitkannya, di samping penerbit swasta yang berprestij. Jurnal hanya ditulis oleh mereka yang mempunyai kekuatan keilmuan dan keintelektualan, tentu sahaja mereka yang terdiri daripada cendekia dan tenaga pengajar universiti. Tegasnya, penulisan akademik tidak hanya dilakukan oleh para pelajar untuk menyiapkan tesisnya, juga kegiatan yang harus dikerjakan bagi seorang pensyarah atau pengajar, meneliti dan menulis karya ilmiah di jurnal ilmiah. Budaya dunia jurnal akademik yang dituntut sekarang, ramai para penulis ingin menghasilkan untuk memenuhi kriteria keilmiah. Adalah lebih baik sebelum menulis atau menghantar ke mana-mana jurnal itu, siasatan atau kajian dilakukan dahulu keperluan-keperluan asas jurnal tersebut. Apakah keperluan jurnal tersebut sesuai dengan bidang dan karya akan

dihasilkan. Kita harus taat dengan tuntutan jurnal penerbitnya. Bentuk penilaian yang berbeza dan akreditasi yang tersendiri, meminta penulisnya menghematinya karyanya.

Apa pun menurut pandangan umum sebuah artikel harus berisi gagasan atau idea ilmiah. Gagasan ilmiah itu terlihat dari substansi gagasan ilmiah dan alur berpikir ilmiah dalam artikel tersebut. Gagasan ilmiah terbentuk jika gagasan itu diolah dengan alur berpikir ilmiah dan ditampilkan dengan teknik penulisan yang diikuti penulisan artikel ilmiah. Dalam artikel ilmiah, alur berpikir ilmiah itu tampak pada penataan butir-butir fikiran dalam membentuk gagasan ilmiah.

## Teori Baharu

Akibat daripada globalisasi dan kehidupan pascamoden, kini telah muncul beberapa teori sastera baharu, antaranya ialah Travel Theory dan Autobiographical Theory. Teori pengembaraan dan teori autobiografi ini sudah mula berkembang di dunia Barat, kira-kira satu dekad yang lalu, tetapi kini ia di antara teori sastera yang mendapat tempat yang dikatakan mula mencabar kedudukan teori cultural studies dan pascakolonial. Teori sastera pengembaraan muncul akibat daripada iklim intelektual. Perjalanan yang bukan sahaja untuk melancong tetapi dengan tujuan menambah pengalaman dan menajamkan pemikiran.

Mengembara dengan melihat kesan imperialism, kolonialisme, Pascakolonialisme, ethnografi, diaspora, multikulturalisme, nasionalisme, identiti dan pementaan perjalanan. Kata kunci teori ini ialah naratif pengembaraan, diaspora, pelancongan budaya dan perjalanan inetelektual. Sementara teori sastera autobiografi sudah berakar dan mendapat tempat sejak zaman dahulu lagi. Setiap orang, terutamanya yang banyak pengalaman, istimewa dan kaya sejarah, terdorong untuk merakamkan hidupnya, ditulis oleh orang lain atau dirinya sendiri yang menulis perihal hidupnya. Dalam zaman romantisme, sewaktu dunia sastera menceritakan kisah-kisah hulubalang yang gagah perkasa, biasanya akan diceritakan sejak kecilnya, melalui

zaman kanak-kanak, remaja, dewasa dan mati; yang perjalanan hidupnya bagaikan sebuah biografi. Dalam zaman pascamoden ini, penulisan autobiografi terus dihasilkan dan telah mengalami beberapa perubahan dengan teknik atau cara menulisnya pada zaman-zaman yang silam. Menurut Ashley, Kathleen, et.al, (dalam *Autobiography and Postmodernism*, 1994) autobiografi, yang biasa hanya rakaman sejarah perjalanan seseorang, kini telah dimasukkan dengan unsur-unsur fiksiyen. Kadang-kadang mitos dan legenda juga dihadirkan dalam usaha untuk menghebatkan pencitraan seseorang tokoh itu. Naratif baharu ini lebih menceriaikan peristiwa yang dikemukakan berbanding dengan cerita sebenarnya, yang kering dan sepi, juga kelangkaan perasaan. Autobiografi bentuk baharu ini, selari dengan kepercayaan golongan pascamodenis yang percaya bahawa sejarah adalah juga diisi oleh fiksiyen.

### Teori Estetika Bersepadu

Perkembangan teori tempatan juga menarik dengan lahirnya teori baharu yang menjanjikan. Teori Estetika Bersepadu diperkenalkan oleh Abdul Halim Ali, seorang pensyarah di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Teori ini pada asalnya ialah sebuah kerangka konsep yang digunakan dalam kajian akademik di peringkat ijazah kedoktoran pada tahun 2010. Kerangka konsep ini bersandarkan kepada konsep keindahan yang tercerna di sebalik keindahan gaya bahasa dan perutusan agama. Abdul Halim kembali kepada al-Quran sebagai teks asal yang memberi gambaran dan sifat keindahan hakiki yang mencerminkan keindahan manifestasi dalam teks kesusasteraan. Beliau juga merujuk pada buku *Manusia dan Islam* karya Haron Din, et al. terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka tahun 1997, cetakan kedua sebagai asas rujukan dalam memahami hakikat kejadian manusia dan hubungannya dengan Tuhan serta hubungannya dengan makhluk yang lain. Bagi Abdul Halim, keindahan manifestasi tergambar pada segala makhluk ciptaan Allah SWT. Makhluk yang paling sempurna atau paling indah dalam

penciptaan Allah ialah manusia dan penciptaan nabi nabi Adam a.s. sebagai manusia pertama yang terbentuk daripada dua unsure yang bersepadu, iaitu unsur jasmani dan rohani adalah asas untuk memahami konsep keindahan dalam karya kesusasteraan. Puncak kesempurnaan keindahan manifestasi ialah penciptaan manusia yang disifatkan Allah sebagai ciptaan paling sempurna dan indah.

Abdul Halim merujuk pandangan Haron Din, et al (1997), yang menyebutkan, keindahan ciptaan manusia terdiri daripada dua bentuk, iaitu keindahan jasmani dan keindahan Nafsani. Walaupun kedua-dua keindahan ini memang dituntut supaya dijaga, namun Islam menyuruh supaya meletakkan keindahan kedua (keindahan nafsani) sebagai asas dan matlamatnya dalam usaha pembentukan kesempurnaan diri sepanjang usia hidupnya di dunia (Haron Din, et al,1997:2).

Kesepaduan unsur indah jasmani dan nafsani manusia menjadikan manusia sebagai makhluk dalam keadaan paling sempurna (indah). Diterangkan Allah dalam al-Quran dalam beberapa Surah seperti Surah Nuh, ayat 17, Surah as-Sajadah, ayat 7-9, Surah alMu'minin, ayat 23 , Surah al-Isra' ayat 70 dan juga keterangan alHadis. Berasaskan keterangan al-Quran, hadis dan keterangan sejarah Islam, keindahan dan kesempurnaan kejadian manusia berlaku menerusi proses penyepaduan pelbagai unsur jasmani dan rohani yang membezakan makhluk manusia dengan makhluk-makhluk yang lain. Manusia yang diciptakan ini mempunyai hubungan langsung sebagai hamba kepada Pencipta-Nya (vertikal) dan sebagai pelengkap kepada makhluk-makhluk yang lain (horizontal). Manusia diberikan tugas sebagai khalifah, menyampaikan dan melaksanakan perintah Pencipta-Nya, yakni menyampaikan perutusan kebenaran (haq) kepada manusia yang lain. Dalam konteks melaksanakan tanggungjawab itu, manusia pada hakikatnya adalah diciptakan hanyalah dengan tujuan supaya mengabdikan diri kepada PenciptaNya dalam semua urusan.

Abdul Halim percaya teks kesusasteraan yang dihasilkan oleh pengarang mempunyai fungsi dan sifat yang hampir sama dengan manusia yang diciptakan Allah SWT. Teks kesusasteraan bukan semata-mata teks, tetapi ia ialah sebuah amanah yang terisi

dalamnya pengajaran dan membawa perutusan Pencipta yang hakiki dan pengarang (`pencipta` manifestasi) untuk membawa manusia dengan kebenaran supaya mengabdikan diri kepada Pencipta yang hakiki. Oleh itu, menurut Abdul Halim teks kesusasteraan juga ialah `teks keindahan` yang lahir daripada proses penyepaduan pelbagai unsur bahasa, idea dan pemikiran, pengajaran dan perutusan. Menurut Abdul Halim lagi, misteri keindahan yang tergambar dalam fikiran dan yang hadir di hadapan mata atau yang dapat dirasai dan dinikmati oleh pancaindera serta perasaan hanya dapat difahami jika pembaca memahami rahsia dalam penciptaan manusia itu sendiri.

Penyepaduan merupakan kunci utama yang menghasilkan keindahan. Unsur-unsur yang bersepadu atau disepadukan dalam teks itulah yang paling asas diteliti dan diperhalusi bagi memahami makna keindahan di dalam teks. Aspek yang bersepadu itu pula tidak tinggal dalam keadaan kaku dan murni, sebaliknya berkait secara langsung dengan kebenaran pengajaran agama serta kebenaran realiti kehidupan. .

Sebagaimana makhluk manusia terdiri daripada kesepaduan unsur rohani dan jasmani, teks kesusasteraan juga dibangunkan oleh pengarang dengan proses penyepaduan unsur rohani dan jasmani. Bahasa ialah unsur jasmani teks, manakala tema dan persoalan, idea dan pemikiran, pengajaran dan perutusan adalah unsur rohani (dalaman) teks. Kerana itu juga, Abdul Halim beranggapan untuk memahami makna keindahan dalam teks, maka unsur-unsur luaran, jasmani dan dalaman, rohani, teks perlu diteliti dan diperhalusi. Teras teoretikal Estetika Bersepadu ialah Keindahan yang bermakna yang sejajar dengan kebenaran. Keindahan teks terbahagi kepada dua, iaitu keindahan luaran yang meliputi estetik bahasa yang tergambar pada penggunaan unsur-unsur dan gaya bahasa dan penyampaian bahasa. Kedua, keindahan dalaman yang meliputi estetik perutusan tergambar pada pemikiran pengarang yang sejajar dengan kebenaran, iaitu selari dengan ajaran agama Islam dan sejajar dengan realiti. Kebenaran adalah teras penting Estetika Bersepadu. Teks kesusasteraan seharusnya mendokong kebenaran di sisi agama dan

di sisi realiti. Ini bermakna teks kesusasteraan bukannya semata-mata imaginasi atau fantasi kosong pengarang, sebaliknya adalah sebuah wadah ilmu, dakwah, pengajaran dan membawa perutusan untuk manusia kepada kebenaran agama dan realiti kehidupan mereka. Teks mempunyai hubungan bermakna dengan Penciptanya, pengarang, kebenaran agama dan kebenaran realiti kehidupan. Teks tidak bersifat autonomi, sebaliknya berfungsi dalam ikatan yang dibataskan oleh ajaran agama, norma-norma kehidupan dan kebenaran. Jelasnya teori ditunjangi dua prinsip yang utama, iaitu kesepaduan dan perkaitan. Prinsip kesepaduan tergambar dalam dua keadaan;

- a) estetik bahasa dengan pemikiran. Kesepaduan ini disebut sebagai gaya yang mendokong ilmu atau ringkasnya disebut `stail`.
- b) kesepaduan `stail` (estetik bahasa dan pemikiran) dengan perutusan agama.

Manakala prinsip perkaitan tergambar dalam dua keadaan iaitu;

- a) perkaitan `stail` dan perutusan dengan kebenaran ajaran agama.
- b) Perkaitan `stail` dan perutusan agama dengan kebenaran kebenaran realiti kehidupan.

Teori ini telah diaplikasikan terhadap empat buah kumpulan puisi Ahmad Kamal Abdullah (Kemala) iaitu ) `Ayn (1987), Pelabuhan Putih (1994), Titir Zikir (1995) dan MIM (2001) di peringkat kedoktoran (2010). Selain itu, teori ini juga telah diaplikasikan ke atas kumpulan puisi Taman Taqwa (2008) karya Suhaimi Hj Muhammad yang dibentangkan dalam seminar pemikiran Suhaimi Haji Muhammad pada bulan Mac 2010. Abdul Halim juga turut menggunakan prinsip teori dalam beberapa ulasan sajak Tunas Cipta, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bagi tujuan kritikan, teori ini mengemukakan dua pengkaedahan, iaitu (1) pengkaedahan stilistik dan (2) pengkaedahan balaghah. Pengkaedahan stilistik memerlukan

pengkritik memahami ilmu gaya bahasa dalam bidang Stilistik, demikian juga dengan pengkaedahan balaghah, pengkritik perlu menguasai ilmu balaghah dan cabang-cabang ilmunya. Dua pengkaedahan ini adalah metod pemilihan laras gaya bahasa dalam menzahirkan keindahan teks. Untuk melakukan kritikan menggunakan teori ini, pengkritik perlu kepada ilmu bantu, khususnya berkaitan dengan teras ajaran Islam yang meliputi syariat, akidah dan akhlak. Teras ajaran ini ialah sandaran penting asas teori untuk membolehkan unsur bahasa, pemikiran pengarang, perutusan dan realiti dihubungkan secara langsung dengan ajaran agama Islam. Contohnya, pemikiran Kemala tentang kewajipan ibu bapa memberi pendidikan agama kepada anak-anak dalam sajak `di hadapan al-Quran` (`Ayn,1987:3). Kaedah pengaplikasiannya ialah (1) mengenal pasti unsur dan gaya bahasa yang digunakan, unsur gaya bahasa yang digunakan Kemala dalam sajak ini ialah gaya bahasa biasa dan hendaklah menunjukkan buktinya. Kedua, kenal pasti gaya bahasa yang digunakan, umpamanya personifikasi, metafora dan ilmu sertakan buktinya.

Sekiranya menggunakan pengkaedahan Stilistik, maka unsur dan gaya bahasa harus dirujuk kepada gaya bahasa dalam bidang stilistik. Jika menggunakan pengkaedahan balaghah, maka unsur-unsur bahasa dalam ilmu balaghah seperti gaya ma'ani, badi' harus digunakan. Ketiga, cari perkaitan penggunaan gaya dan unsur bahasa itu dengan pemikiran pengarang dan padankan dengan hujah daripada kajian, pandangan tokoh, sejarah dan sumber sumber al-Quran berkaitan dengan tanggungjawab ibu bapa memberi pendidikan agama kepada anak-anak. Ketiga, rumuskan kesepaduan penggunaan gaya dan unsur bahasa dengan pemikiran stail dengan ajaran agama. Keempat, buktikan perkaitan stail dengan kebenaran. Pertama kebenaran dengan ajaran agama yang meliputi tiga asas ajaran agama iaitu syariat, akhlak dan akidah. Dalam contoh sajak `di hadapan al-Quran` stail mempunyai kaitan langsung dengan asas akhlak dan akidah. Buktikan juga perkaitan `stail` dengan kebenaran realiti semasa, yang berkaitan dengan tanggungjawab masyarakat Islam hari ini. Berdasarkan kritikan terhadap sajak`di hadapan al-Quran` kritikan ini seharusnya

menemukan signifikasi kesepaduan gaya bahasa dengan pemikiran stail, signifikasi kesepaduan stail dengan perutusan dan signifikasi perkaitan stail dan perutusan dengan kebenaran.

### **Arah Sastera Melayu**

Suatu kesedaran yang harus diperhatikan ialah wujudnya fungsi timbal balik antara teori dan sastera kreatif. Teori sastera tidak semata-mata sebagai landasan penulisan akademik, seperti menulis jurnal, esei, projek, tesis dan disertasi, juga landasan kepada penulisan karya kreatif. Pengetahuan tentang teori sastera akan banyak menolong seseorang atau bakal pengarang itu untuk menghasilkan drama. Teori biasanya memberikan landasan dan bayangan apakah karya yang diinginkannya dan pasti melorongan aspek tekstual dan kontekstualnya. Malah dalam sejarahnya, di zaman klasik lagi teori di zaman Greek dengan tokoh-tokohnya seperti Socrates, Plato dan Aristotle yang menggariskannya. Sebagai contoh kita melihat Plato dengan teorinya dalam Republic, yang menegaskan tentang melahirkan sifat kewarganegaraan yang ideal sambil menjelaskan nilai-nilai sastera yang baik, sebagai salah satu usaha untuk memperbaiki jiwa orang Yunani. Isi karya hendaklah mengandungi moral sebagai prinsip menjadi rakyat berguna. Dengan tema drama haruslah menerangkan yang baik dan mengalahkan yang buruk.

Drama dianggap sebagai keluarga falsafah dan didekati secara falsafah. Mementingkan falsafah atau isi dan moral serta ideologikal. Namun ia juga bersifat kontekstual dan hubungannya sastera dengan masyarakatnya. Bagaimana masyarakatnya bercakap harus ditiru oleh sastera. Apa yang ada di dalam sastera ialah cermin bagi masyarakatnya. Namun yang menjadi pegangannya sastera harus bermoral. Plato banyak berminat pada mendidik belia ke arah bermoral, memahami budaya hidup dan pembentukan kewarganegaraan. Sastera tidak boleh dipiciskan, sebaliknya dimoralisasikan. Bagaimana pun sastera yang baik mampu membangunkan emosi. Namun emosi berpaksi kepada ketakkulan. Apabila seseorang penulis itu telah digelar sebagai

sasterawan, maka dengan sendirinya ia telah mencapai suatu kedudukan yang istimewa. Benarlah, perkataan sasterawan itu, sering disalah guna. Seseorang yang baru melahirkan sebuah kumpulan cerpen atau beberapa buah novel, dengan mudahnya sudah digelar sasterawan. Istilah sasterawan dalam hierarki penulisan sastera, ialah suatu pencapaian puncak. Setiap penulis atau pengarang kreatif, masing-masingnya bercita-cita untuk mencapai puncak sebagai sasterawan. Bukanlah perkara mustahil, ada pengarang yang berkarya sepanjang hayatnya, sudah banyak teks yang dihasilkan, tetapi menurut istilah sastera sebenarnya ia masih belum layak dipergelar sebagai sasterawan. Kita telah diberikan petua untuk menjadi seorang pengarang unggul. Malah diberikan langkah-langkah bagaimana hendak menjadi pengarang yang boleh mengatasi idolanya seperti yang disediakan dalam kaedah Bloom.

Mengikuti pendekatan dan kaedah tersebut, sesungguhnya bukannya senang untuk mencapai sebagai penulis unggul atau yang bergelar sasterawan itu. Tidak ada jalan potong untuk seorang pengarang. Namun, bukanlah mustahil setiap orang mencapainya. Dan cepat lambatnya adalah bergantung kepada usaha, keyakinan dan kerja yang dilakukannya. Semua orang boleh bekerja kuat untuknya. Salah satu daripada cara yang dicadangkan untuk mencapai sebagai sasterawan ialah dengan penguasaan teori sastera. Ertinya seseorang pengarang itu belajar dan mengikuti perkembangan teori sama ada teori sastera atau teori penulisan sastera. Malah, bagi saya seorang pengarang yang sudah bergelar sasterawan negara atau Tun Sri Lanang pun, seandainya ia ingin terus maju harus mengikuti perkembangan teori sastera. Kita dengan mudahnya dapat membezakan pengarang yang menguasai teori dengan yang tidak mengindahkan teori. Yang peka dengan teori karyanya sentiasa segar, baharu dan mengikut zaman. Sementara yang hanya berpada dengan bakat alamiah, karya kurang bergerak dan bertenaga.

Dalam konteks itulah amat wajar seandainya seseorang pengarang itu untuk melangsungkan kepengarangannya, ia harus mengetahui, sekurang-kurangnya mengikuti perkembangan teori

sastera. Misalnya di awal zaman milenium baharu ini ada beberapa teori sastera yang sedang berkembang dan mempengaruhi penulisan karya sastera. Antara teori-teori tersebut ialah teori Budaya, Eko-sastera, Pascakolonialisme dan New Historisisme.

### **Belajar daripada Teori Sastera**

Telah dinyatakan antara teori yang sangat popular dalam waktu ini ialah New Historisisme, Studi Budaya, Pascakolonial dan Eko-kritikan. Ada beberapa kekuatan yang terdapat pada teori-teori tersebut. New Historisisme sangat relevan dengan zaman ini kerana pengembalian para penulis kepada sejarah. New Historisisme membawa pandangan bahawa pengarang menjadi pusat penulisan karya kreatif. Justeru, latar pengarang, status sosial, sejarah yang dilaluinya, masyarakat yang didiaminya, akan mempengaruhi penulisan. Dengan itu Historisisme Baru menginginkan sastera harus bertpusat pada kekuatan pengarang, dan ia perlu dikaji dan diinterpretasi dalam konteks sejarah pengarang. Pengarang pun pula seharusnya mengkritik dan memperbaharui atau mewacanakan sejarah. Dalam konteks yang sama, teori sastera dan buku-buku yang telah dibaca pengarang, terutamanya buku sejarah akan menjadi sumber kepada teks-teks yang dihasilkan.

Dalam teori New Historisisme, sejarah akan diberi penilaian semula (Barry, P. 2009). Teori pascakolonial membicarakan subjek akibat kolonialisme terhadap sesebuah negara bekas jajahannya, yang melahirkan berbagai bentuk kolonial dengan berbagai variannya, bahkan dengan berbagai akibat yang ditinggalkan harus dikikis oleh negara yang pascamerdeka. Di sinilah, teori ini menempatkan dirinya sebagai teori kritis yang mencuba mengungkapkannya akibat-akibat negatif yang ditimbulkan oleh kolonialisme. Penjajah berlumba-lumba menjajah, demi kerana '3G', iaitu agama, menyebarkan ajaran Gospel, ekonomi, Gold, dan kemegahan, Glory, serta memusnahkan kuasa Islam (Mana Sikana 2010:449).

Teori Pascakolonial bermula dari kemunculan buku *Black Skin, White Masks and the Wretched of the Earth* karya Frantz Fanon, 1967 yang menyimpulkan bahawa melalui dikotomi kolonial, iaitu kelompok penjajah dan terjajah, wacana orientalisme telah melahirkan alienasi dan marginalisasi psikologikal yang sangat dahsyat. Pascakolonial melihat ketidakseimbangan Barat dalam melihat Timur, terutama dalam peradaban kolonial, tegasnya, teori ini digunakan untuk memahami berbagai gejala sosial, sejarah, politik, ekonomi dan sebagainya, yang terjadi di negara-negara bekas koloni Eropah moden. Edward Said dalam *Orientalism* (1978) mengemukakan tesis hubungan pengetahuan dengan kekuasaan berdasarkan teori Foucault dalam buku *The Archeology of Knowledge and Discipline and Punish*, iaitu hubungan antara pengetahuan dengan kekuasaan. Pengetahuan bukan semata-mata sebagai ilmu, melainkan juga kolonialisme itu sendiri, iaitu pengetahuan untuk mempertahankan kekuasaan, pengetahuan dipenuhi dengan visi dan misi politik ideologikal. Teori ini menjadi landasan pengarang untuk menghasilkan karya dalam konteks budaya bangsa yang dijajah yang mengalami pengalaman dan trauma sejarah yang berbeza, seperti penghambaan, revolusi, peperangan yang mengakibatkan pembunuhan massal, penentangan rejim tentera, kehilangan identiti bangsa, kemelut budaya, atau pelarian akibat konflik politik kepada suatu pembaharuan, pembentukan identiti dan pembinaan kebangsaan. Pengetahuan ini akan menolong penulis untuk menghasilkan teks-teks yang dutuntut oleh zaman kontemporari ini. Teori Sastera budaya pula, yang kini adalah di antara yang paling popular, menjelaskan sikap pengarang supaya melihat bagaimana wacana budaya beroperasi dalam mengungguli ideologi kekuasaan. Teori ini juga menyusuri individu dalam pembentukan individualiti dalam gerakan budayanya yang dihubungkan dengan pembentukan sosial yang mengarah kepada konsep kehebatannya, meneliti pergolakan pembudayaan, terutamanya dalam aspek pendidikan, ekonomi dan sosial serta mempertahankan kekayaan, pelestarian dan petanda artifak budaya negara. Tegasnya, teori ini mengkaji dan

menganalisis teks daripada aspek dan sudut-sudut politik, ia lebih menjurus kepada budaya, sosial dan juga meletakkan konsep kekuasaan, peranan individu dalam mencari self-identity dan reflexivity-self dalam sastera pascamoden terkini, dan menjuruskan kepada pembentukan masyarakat dan pembina tamadun hidup.

Sebagai teori kontekstual ia sangat mementingkan fungsi karya dan hubungannya dengan khalayaknya. Dalam hubungan ini, teori ini ingin melihat makna-makna yang tersimpul dalam gerakan budaya dan melihat makna-makna yang tersirat hasil daripada pertembungan daripada gerakan-gerakannya. Di samping itu memberi penekanan kepada aspek latar budaya teks atau citraan budayanya, meneliti perjuangan-perjuangan individu atau/dan masyarakat, menganalisis kekuasaan budaya terutamanya aspek politik dan pengaruhnya dalam kehidupan sambil memberi penekanan kepada sudut artifak daripada sudut nilai dan perubahan-perubahan yang dihadapinya. Lois Tyson (1999:295-296) sewaktu membicarakan Cultural Criticism and Literature, memberi beberapa pertanyaan sebagai panduan. Pertanyaan itu dapat dikaitkan dalam analisisnya seperti:

Apakah jenis perlakuan dan gerakan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat itu? Apakah model contoh praktis gerakan itu? Adakah gerakan budaya merupakan suatu tenaga atau kekuasaan baharu? Apakah kesannya kepada seluruhnya masyarakat, juga negara, juga dunia global. Atau apakah halangan-halangan yang dialami atau sebaliknya diterima, mengapa? Nyatakan nilai-nilai perubahan? Apakah nilai yang dibawakan teks itu kepada pembacanya? Nyatakan juga konsep masa, tempat dan zaman sesuatu gerakan perubahan itu terjadi dalam masyarakat? Atau apakah kita hidup dalam sebuah budaya yang tenang dan hambar?

## **KESIMPULAN**

Demikianlah beberapa wacana dasar arah perjalanan dunia sastera terkini secara global dan tempatan dari jurus pandang teori dan

kritikan. Zaman globalisasi menandakan kebangkitan teori sastera dan memberi arah serta menentukan perjalanan karya sastera dan sejarahnya. Kita menyaksikan beberapa teori sastera yang relevan, munculnya teori baharu, Sambil menyaksikan ada teori yang dipinggirkan. Negara kita juga mengalami zaman kelahiran teori-teori sastera ini, salah satunya yang terbaharu ialah teori Estetika Bersepadu yang sedang diusahakan oleh Abdul Halim Ali.

## RUJUKAN

- Al-Quran dan terjemahannya*.(1428) H. Cetakan Kerajaan Arab Saudi.
- Abdul Halim Ali. (2010). `Perkaitan Makna dalam Sajak dengan Aspek Kontekstual`. *Tunas Cipta*. Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Keluaran Mei.
- Abdul Halim Ali. (2010). `Estetika Bersepadu: Analisis dan terapan terhadap puisi-puisi Ahmad Kamal Abdullah`. *Tesis ijazah doktor falsafah*, Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Halim Ali. (2010).`Kesepaduan Stail dan Perutusan Agama dalam Kumpulan Puisi Taman Takwa`. *Kertas kerja*. Seminar Pemikiran Suhaimi Hj Muhammad. Auditorium Utama, UPSI. 1 September 2010.
- Ahmad Kamal Abdullah. (1987). `Ayn. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baldick, Chris. (2008). *Oxford Dictionary of Literary Terms*. New York: Oxford University Press.
- Bloom, Harold. (1994). *The Western Canon: The Book and School of Ages*. New York : Riverhead.
- Haron Din, et al. (1997). *Manusia dan Islam*. (Jld. 2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Din, et al. (1997). *Manusia dan Islam*. (Jld. 3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hassan Ahmad. (1999a). Karya Agung Melayu dan karya Agung dunia. *Dewan Sastera* Oktober. Hlm. 80-87.
- Hassan Ahmad. (1999b). Yayasan Karyawan: Menobatkan Karya Agung. *Dewan Sastera* Oktober. Hlm. 88-90
- Haven. M.P. (2003). *Literary Theory: An Anthology*. London: Blackwell.
- Hugh, Holman. C. (1986). *A Handbook to Literature*. New York: Macmillan Publishing
- Aristotle. *Poetics*. (1997). London: Penguins.
- Ashley, Kathleen, et.al, (1994) *Autobiography and Postmodernism*. Amherst: University of Manchester Press.
- Barry, Peter. (2009). *Beginning Theory*. Menchester: Menchester University Press.
- Blunt, Alison. (1998). *Travel Gender and Imperialism*. New York: Guilford Press.
- Richter, D.H. (2000). *Falling into Theory*. London: St. Martin Press.
- Mana Sikana, (1985). *Tanggapan Sastera*. Kuala Lumpur: Karya Bestari.
- Mana Sikana. (1998). Membina wacana sastera yang idealistik. *Dewan Sastera* Julai. Hlm. 71- 78.
- Mana Sikana. (2003). *Pemikiran Sastera Malaysia*. Singapura: Media Enterprise.
- Mana Sikana, (2004). *Sastera Melayu Pascamodenisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2010). *Teori Sastera Kontemporari* (Edisi VI). Bangi: Pustaka Karya.
- Mills, Sara. (1991). *Discourse Difference: An Analysis of Literature's Travel and Colonialism*. New York: Routledge.
- Marcus, Laura. (1994). *Auto/biographical Discourse: Theory, Criticism, Practice*. Manchester: Manchester of University Press.
- Mohammad A. Quayum, Rosli Talif. (1999). *Dictionary of Literary Terms*. Selangor: Pearson Education.
- Quinn, Edward. (2000). *A Dictionary of Literary and Thematics Terms*. New York: Checkmark Books.
- Rivkin, Julie. (2004). *Literary Theory*. London: Blackwell.

- Ronen. (2004). *Possible Worlds in Literary Theory*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Smith, Sidonie and Watson, Julia. (1998). *Autobiography Theory: A Reader*. Madison: University of Wisconsin Press.
- Smith, Sidonie and Watson, Julia. (2001). *Reading Autobiography: A Guide of Interpreting Life Narrative*. Minnesota: University of Minnesota Press.
- Tyson, Lois. (2006). *Critical Theory Today: A User-Friendly Guide*. London: Routledge.